

11 OCT 1997

DR MAHATHIR TERIMA PERNYATAAN IKRAR SOKONG KEPIMPINANNYA

KEMAMAN, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima pernyataan ikrar daripada pemimpin Barisan Nasional Terengganu menyokong segala tindakannya dalam menangani sebarang masalah negara.

Pernyataan ikrar itu ditandatangani oleh semua Anggota Dewan Undangan Negeri, Anggota Parlimen dan Senator sebagai tanda sokongan padu mereka terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Ia telah disampaikan oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kepada Dr Mahathir selepas pertemuan Perdana Menteri dengan anggota Badan Perhubungan Umno Negeri di sini.

Antara kandungan ikrar itu ialah menyatakan bahawa rakyat Terengganu menyedari hakikat bahawa negara dan rakyat menghadapi krisis yang boleh menjejaskan kemantapan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan.

Ia juga menginsafi hakikat adanya usaha jahat untuk memecahbelahkan perpaduan dan setiakawan pemimpin-pemimpin di negara ini dan boleh menjejaskan kestabilannya.

Oleh itu para pemimpin di negeri ini dengan rasa penuh tanggungjawab, jujur dan tidak berbelah bahagi berdiri teguh di belakang Dr Mahathir sebagai pemimpin utama negara.-- BERNAMA

SBS MAI